

07/08/1999

Dr Siti Zaharah diminta keluar kenyataan rasmi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah, didesak supaya segera membuat kenyataan rasmi mengenai keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno yang membatalkan rombakan ahli jawatankuasa (Exco) pergerakan itu.

Seorang ahli Exco pergerakan itu, Senator Faridah Abu Hassan, berkata kegagalan Siti Zaharah berbuat demikian hanya menambah kekeliruan ahli, yang diburukkan lagi dengan pelbagai berita mengenai perpecahan dalam pergerakan itu.

"Sehubungan itu, saya meminta Dr Siti Zaharah supaya membuat kenyataan rasmi mengenai keputusan MT itu supaya dapat meleraikan kekeliruan yang timbul di kalangan ahli," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Siti Zaharah bagaimanapun tidak dapat dihubungi. Usaha Berita Harian ke rumahnya sia-sia apabila diberitahu beliau tiada di rumah.

Beliau juga tidak hadir pada mesyuarat MT Rabu lalu kerana sakit.

Isnin lalu, Siti Zaharah mengumumkan rombakan barisan Exconya dan kepimpinan peringkat negeri dengan menggugurkan dua Ketua Wanita Negeri, Sharifah Aminah Syed Mohamed di Pulau Pinang dan Azizah Abdul Samad di Wilayah Persekutuan.

Bekas Ahli Dewan Undangan Lumadan, Sabah, Datuk Dayang Mahani Tun Pengiran Ahmad Raffae juga digugurkan sebagai ahli Exco Wanita Umno dan naib ketua Wanita Sabah.

Pengganti mereka ialah Senator Che Jam Harun sebagai Ketua Wanita Pulau Pinang yang baru dan Rokiah Bee Hassan sebagai naibnya; manakala Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lumadan, Sabah, Surinam Sadikun dilantik sebagai Exco baru dan naib ketua Wanita Sabah.

Bagaimanapun, MT yang bermesyuarat Rabu lalu membatalkan rombakan itu dan tidak akan ada sebarang rombakan akan dilakukan sehingga selepas pilihan raya.

Difahamkan pada pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 30 Julai lalu, beberapa arahan tegas telah dikeluarkan antaranya ialah Exco Wanita perlu mengadakan mesyuarat setiap dua minggu sekali; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob akan menghadiri setiap mesyuarat berkenaan; dan semua program Wanita Umno perlu diserahkan terus kepada Perdana Menteri.

(END)